

Link: [Kos perubatan tinggi, perlindungan kini keperluan](#)

Harian Metro
31 Januari 2026

Kos perubatan tinggi, perlindungan kini keperluan SPONSORED CONTENT

Suliat Asri



Ketika kos sara hidup dan inflasi perubatan terus meningkat, keperluan terhadap perlindungan kewangan kini semakin kritikal bagi isi rumah di Malaysia.

Menurut Sun Life Financial Resilience Index 2025, inflasi perubatan di Malaysia meningkat antara 12.6 hingga 15 peratus bagi tempoh 2023 hingga 2024, jauh mengatasi inflasi umum.

Trend ini didorong oleh kos teknologi perubatan baharu, kebergantungan kepada bekalan import, peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD) serta populasi yang semakin menua. Kadar berkenaan dijangka mencecah 16 peratus menjelang tahun ini.

Pada masa yang sama, pengawal selia termasuk Bank Negara Malaysia (BNM) dalam kenyataannya pada Disember 2024 telah menggalakkan kadar penebusan yang lebih tinggi, penawaran pelan mikro-insurans dan takaful serta perlindungan pengguna yang lebih jelas.

Perkembangan ini menuntut syarikat insurans dan pengendali takaful untuk berinovasi dan menawarkan penyelesaian yang lebih ringkas, mampu milik dan berteraskan digital.

Kajian sama turut menunjukkan 56 peratus tidak mempunyai pelan kewangan melebihi 12 bulan dan jurang generasi yang ketara apabila hanya 52 peratus 'Gen Z' berasa selamat dari segi kewangan berbanding 66 peratus 'Baby Boomers'.

Walaupun literasi insurans meningkat kepada 35 peratus, realitinya sebanyak 85 peratus rakyat masih tidak bersedia bagi perancangan legasi kewangan.

Dalam landskap yang mencabar ini, kerjasama strategik antara CIMB dan Sun Life Malaysia, menjadi antara kolaborasi jangka panjang paling konsisten dalam menyediakan penyelesaian perlindungan kewangan relevan kepada rakyat Malaysia.

Dalam tempoh lebih sedekad sahaja, kerjasama bankasurans dan bankatakaful itu berkembang daripada penawaran satu produk di cawangan kepada rangkaian penyelesaian menyeluruh merangkumi perlindungan, simpanan, pendidikan, pelaburan, perancangan legasi, hayat kredit dan pelan perubatan; termasuk Sun Enrich Extra-i, Sun Legacy Shield, SunInvest-i dan Sun Istismar Extra.

Di samping itu, kerjasama ini turut menawarkan polisi takaful menggunakan konsep Hibah Takaful, membolehkan waris menerima manfaat dengan lebih cepat dan terjamin, sekali gus memastikan kebajikan keluarga terpelihara.

Kini tawaran itu diedarkan menerusi pelbagai platform termasuk cawangan CIMB, pasukan penasihat kewangan (FSC), pengedaran runcit dan perusahaan, telepemasaran, perbankan komersial serta platform digital seperti CIMB OCTO.

Kekuatan kerjasama ini juga terbukti melalui penumbuhan pelanggan unik kepada lebih 2.1 juta pada tahun 2024, peningkatan hampir tiga kali ganda sejak permulaan kerjasama, mencerminkan keyakinan tinggi rakyat Malaysia terhadap gabungan kepakaran kedua-dua pihak.

Kerjasama CIMB-Sun Life Malaysia juga menggabungkan kekuatan rangkaian pengedaran CIMB dengan kepakaran Sun Life dalam perlindungan dan perancangan kewangan, selari dengan perubahan landskap industri yang menuntut penyelesaian lebih ringkas, mampu milik dan berteraskan digital.

Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Islamic Bank Berhad, Ahmad Shahriman Mohd Shariff berkata, ulang tahun ke-20 ini mencerminkan komitmen bersama untuk memperkasakan rakyat Malaysia dengan penyelesaian perlindungan yang mudah diakses dan inovatif bagi memenuhi keperluan kewangan yang sentiasa berubah.

Beliau berkata, kerjasama ini bukan sekadar prestasi kewangan, malahan ia juga mengenai pembinaan daya tahan kewangan, peningkatan literasi serta merealisasikan perancangan legasi untuk setiap isi rumah di Malaysia, selari dengan gerakan sosial CIMB "Kita Bagi Jadi" dan selaras dengan tujuan CIMB untuk memperkasakan pelanggan dan masyarakat.

"Ketika inflasi perubatan dan tekanan ekonomi meningkat, kerjasama ini memastikan pelanggan mempunyai perlindungan mampu milik dan menyeluruh untuk melindungi keluarga serta masa depan mereka.

"Penawaran patuh Syariah kami turut menegaskan prinsip penyucian, pemeliharaan dan pengagihan, bagi memastikan penyelesaian kewangan yang beretika, membersihkan unsur tidak patuh dan menggalakkan perkongsian risiko yang adil.

"Nilai ini amat dekat di hati pelanggan kami dan seterusnya mengukuhkan keyakinan terhadap kewangan Islam," katanya.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Negara Sun Life Malaysia, Ho Teck Seng, berkata dapatan kaji selidik syarikat itu menunjukkan kesedaran terhadap perancangan kewangan semakin meningkat dalam kalangan rakyat, namun tahap tindakan masih rendah.

"Kami berinovasi untuk menyediakan perlindungan daripada cabaran semasa dan menyokong kesejahteraan jangka panjang.

"Melalui pendidikan dan khidmat nasihat juga, kami mahu menukar kesedaran kepada tindakan, bagi memastikan keluarga dilindungi untuk generasi akan datang," katanya.

Beliau berkata, Sun Life Malaysia akan menumpukan kepada penyelesaian yang bersifat daya tahan, iaitu fleksibel terhadap perubahan gaya hidup dan realiti ekonomi serta membantu masyarakat merancang dengan lebih baik.

Dalam persekitaran kewangan yang semakin mencabar, kerjasama seperti ini memainkan peranan penting dalam membantu orang ramai melindungi keluarga mereka, merancang masa depan serta mendapatkan akses kepada penyelesaian patuh Syariah yang mudah, mampu milik serta relevan dengan keperluan semasa dan matlamat jangka panjang.

Melangkah ke hadapan, CIMB dan Sun Life Malaysia bersedia memperkenalkan produk dan penyelesaian inovatif baharu bagi membantu masyarakat mengukuhkan keselamatan kewangan dengan lebih baik untuk jangka panjang.

Disiarkan pada: Januari 31, 2026 @ 9:45am